



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 MEI 2026 (KHAMIS)

Heret Lembu Seberang Sungai Golok Waktu Malam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	14	21 Mei

Heret lembu seberang Sungai Golok waktu malam

6 pangkalan haram jadi laluan penyeludupan dari Thailand menjelang Aidiladha

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Sekurang-kurangnya enam pangkalan haram dikenal pasti menjadi laluan penyeludupan lembu dari Thailand menjelang Aidiladha tidak lama lagi.

Enam pangkalan haram berkenaan ialah Tualang, Pok Ngah Pisau Raut, Kuala Jambu, Tanjung, Rela dan Mek Gombak dengan semua pangkalan haram itu berada di sepanjang Sungai Golok di Tumpat.

Komander Briged Tenggara, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain, berkata permintaan terhadap lembu seludup dijangka akan meningkat untuk kegunaan ibadah korban pada



Aidiladha nanti.

"Hasil risikan dan siasatan mendapati, modus operandi digunakan sindiket penyeludupan lembu ialah haiwan berkenaan akan ditarik secara senyap menyeberangi Sungai Golok untuk ke kawasan semak atau tebing sungai di sebelah Malaysia.

"Haiwan berkenaan akan dibawa ke kandang berhampiran atau kandang berdaftar dengan Jabatan Veterinar bagi mengaburi atau dikesan pihak berkuasa sebelum diangkut menggunakan lori.

"Kebanyakan pergerakan sindiket ini dilakukan pada waktu malam bagi mengelak daripada dikesan pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi.

Ahmad Radzi berkata, harga lembu dibeli di Thailand kira-kira RM2,000 hingga RM3,000 seekor bergantung kepada saiz, sebelum lembu berkenaan dijual di Malaysia dengan harga RM4,000



Pangkalan haram sepanjang Sungai Golok di Tumpat dikenal pasti antara laluan untuk kegiatan penyeludupan lembu korban dari Thailand menjelang Aidiladha.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

hingga RM6,000.

"Harga dijangka meningkat menjelang Aidiladha memandangkan permintaan tinggi untuk kegunaan ibadah korban.

"Dari segi upah pula, orang tengah akan menerima RM30 hingga RM50 bagi setiap ekor lembu diseludup dari Sungai Golok sehingga ke kandang.

"Transporter pula menerima upah RM1,000 hingga RM1,500 bagi setiap trip lori. Bayaran ini

bergantung kepada jarak, risiko dan jumlah muatan dibawa.

Rondaan di laluan panas

"Sepanjang Januari hingga Mei, kita merekodkan lapan kes berkaitan rampasan lembu membabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM1 juta.

"Daripada jumlah berkenaan, kita merampas 89 lembu bernilai RM329,000 dan lapan kenderaan bernilai RM672,000," katanya.

"Sepanjang Januari hingga Mei, kita merekodkan lapan kes berkaitan rampasan lembu membabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM1 juta

Ahmad Radzi Hussain,
Komander Briged Tenggara



Ahmad Radzi berkata, kegiatan itu dijangka meningkat menjelang Aidiladha, pihaknya mengambil beberapa pendekatan bagi mengekang kemasukan lembu seludup itu.

"Antara pendekatan yang dilakukan kita meningkatkan rondaan dan sekatan jalan raya di laluan panas penyeludupan, selain menjalankan operasi 24 jam di tempat strategik di sepanjang sempadan.

"Pada masa sama, kita meningkatkan risikan bagi mengesan pergerakan sindiket dan kerjasama antara agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga turut dipertingkatkan.

"Bagi pangkalan haram yang dikenal pasti itu, kita akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan," katanya.

Hampir 1000 Kambing Korban dijual dalam Seminggu			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	14	21 Mei

Hampir 1,000 kambing korban dijual dalam seminggu

JOHOR BAHRU: Permintaan tinggi terhadap kambing korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini menyaksikan hampir 1,000 ekor kambing di Osman Goat Farm terjual dalam tempoh seminggu.

Pengarahnya, Osman Cheya Kutty berkata, sambutan luar biasa itu didorong peningkatan kesedaran umat Islam untuk melaksanakan ibadah korban walaupun berlaku kenaikan harga barangan, tahun ini.

Menurut beliau, pihaknya membuka jualan kambing korban bermula 15 Mei lalu hingga 26 Mei ini dengan kebanyakan pelanggan datang dari Singapura serta beberapa warga asing lain.

"Setakat ini sambutan sangat menggalakkan dan ada peningkatan tempahan pada saat-saat akhir. Kira-kira 40 peratus pelanggan kami adalah warga Singapura dan warga asing yang memilih melakukan korban di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kangkar Tebrau, di sini baru-baru ini.



SEORANG pekerja mengawal kambing-kambing yang telah ditempah orang ramai untuk ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha di Osman Goat Farm, Kangkar Tebrau, Johor Bahru. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Beliau berkata, harga kambing korban tahun ini meningkat sedikit berbanding tahun lalu antara RM1,300 hingga RM2,500 seekor bergantung kepada baka dan saiz.

"Kenaikan harga tidak dapat

dielakkan berikutan peningkatan kos pengangkutan serta harga minyak, namun keadaan tersebut tidak menjejaskan minat orang ramai untuk terus melaksanakan ibadah korban dan akikah," jelasnya.

Animal Welfare Group Urges Immediate Probe Into Alleged Dog Cruelty Case In Johor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Malaysia	Dalam Talian	19 Mei



Kredit: Ab Rauf Yusoh

Animal welfare group SAFM condemned an alleged dog run-over incident in Johor and called for action under the Animal Welfare Act 2015.

PETALING JAYA: Stray Animal Foundation Malaysia (SAFM) has called for an immediate and transparent investigation into an alleged act of cruelty involving a dog that was reportedly run over by a vehicle in Ulu Tiram, Johor, last week.

SAFM president Kalaivanan Ravichandran said the organisation was “seriously concerned” and strongly condemned the incident, which allegedly took place on May 15 at 11.24am along Jalan Jejawi/Jenawi 13 in Taman Puteri Wangsa, Ulu Tiram.

According to videos and information circulating publicly, a red vehicle bearing the registration number JUH 7613 was allegedly involved in the incident.

He said there were also public allegations suggesting that the vehicle or individual involved may have been linked to a contractor, subcontractor, agent or municipal-related activity, adding that such claims must be urgently verified through a proper investigation.

“No animal, including stray animals, should be subjected to cruelty, reckless treatment or intentional harm,” Kalaivanan said.

He stressed that any form of animal control must be conducted strictly in accordance with the law, proper procedures and humane standards.

He urged the relevant authorities, including the Department of Veterinary Services (DVS) Johor, the police and the Johor Bahru City Council, to immediately launch a full investigation under the Animal Welfare Act 2015 and other relevant legislation.

Among the actions sought by the organisation are the identification of the driver, vehicle owner and any party responsible for the use of the vehicle at the time of the incident, as well as confirmation on whether those involved had links to any

council-appointed contractor, subcontractor, agent or animal-control operation.

The organisation also called for all evidence to be preserved and secured, including dashcam footage, CCTV recordings, photographs, eyewitness accounts, vehicle records, contractor appointment documents, work orders, GPS records and any documentation relating to the removal of the dog's body.

He further urged authorities to suspend any related animal-control work involving the alleged party pending investigations, should any official or contractor link be established.

He also called for transparent public updates on the outcome of the investigation and any enforcement action taken.

At the same time, he encouraged members of the public who witnessed the incident or possess original evidence to lodge formal reports with DVS and the police.

“Public anger is understandable, but justice must be pursued through lawful and evidence-based channels,” he said.

He stressed that SAFM does not support threats, harassment or vigilante action against any individual.

Kalaivanan said the incident highlighted a broader and urgent issue surrounding stray animal management in Malaysia, calling for reforms to ensure local authorities and appointed contractors adhere to humane standards, proper training, transparent procedures and strict accountability.

“Cruelty must never be accepted as part of animal-control work,” he said. SAFM said it would continue monitoring the case and called for firm enforcement action should any wrongdoing be proven.-[THESUN](#)

MDMD Sita Empat Ekor Lembu Berkeliaran Di Matu, Daro			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Sarawak	Wilayah	Dalam Talian	20 Mei



MDMD menjalankan operasi penguatkuasaan haiwan ternakan terbiar di sekitar Matu dan Daro sebagai langkah tegas menangani aduan penduduk mengenai haiwan berkeliaran. Foto MDMD

MATU: Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) menyita empat ekor lembu dalam operasi penguatkuasaan haiwan ternakan terbiar di sekitar Matu dan Daro semalam sebagai langkah tegas menangani aduan penduduk mengenai haiwan berkeliaran.

Operasi itu melibatkan Seksyen Penguatkuasa MDMD dan Seksyen Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Bandar MDMD dengan kerjasama

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bahagian Mukah.

Sepanjang operasi berkenaan, pihak majlis berjaya menangkap dan menyita empat ekor lembu, masing-masing seekor di Kampung Tian, Matu dan tiga ekor di jalan menuju Kampung Tebaang, Daro.

Ketua Seksyen Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Bandar MDMD, Apohrozy Ezrie Ellie berkata,

tindakan sitaan itu merupakan langkah terakhir selepas nasihat kepada pemilik haiwan ternakan tidak diendahkan.

“Selepas ini, pihak majlis akan melaksanakan operasi sitaan sekiranya menerima aduan daripada penduduk setempat,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, tindakan tegas itu diambil selaras dengan Polisi Haiwan Ternakan Terbiar MDMD.

MDMD ingin menasihatkan kepada semua pemilik haiwan ternakan terutamanya lembu dan kambing supaya tidak membiarkan haiwan ternakan berkeliaran tanpa pengawasan dan mengganggu penduduk setempat.

Pihak MDMD akan mengambil tindakan sita sekiranya masalah ini masih berlaku.-[UTUSANSARAWAK](#)

Tular Kenderaan 4×4 didakwa Sengaja Langgar Anjing Jalanan di Johor, SAFM Tuntut Siasatan Segera

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BUZZKINI	Wilayah	Dalam Talian	20 Mei



Foto BUZZKINI

SAFM menuntut siasatan segera, telus dan menyeluruh oleh DVS Johor, PDRM serta MBBJ berhubung video tular didakwa dilanggar pikap secara sengaja di Johor Bharu.

Tular rakaman kenderaan pacuan empat roda gilis anjing di Johor Bharu

Baru-baru ini tular satu video memaparkan tindakan sebuah kenderaan pacuan empat roda yang didakwa sengaja melanggar seekor

anjing di sebuah taman perumahan di Johor Bharu.

Menerusi video tersebut, awalnya kelihatan kereta 4×4 jenis Isuzu D-Max berwarna merah itu dipandu dengan laju sebelum melanggar anjing berkenaan.

Impak pelanggaran menyebabkan anjing terbabit mengerang kesakitan dan berguling di atas jalan.

Pacuan 4×4 berhenti di

persimpangan sebelum beredar selepas langgar anjing hingga mati

Dalam video sama, kenderaan itu dilihat berhenti seketika di persimpangan jalan sebelum beredar dari kawasan terbabit.

Dalam hantaran yang tular itu memaklumkan insiden dipercayai berlaku di Ulu Tiram, Johor Bharu sekitar jam 11.24 pagi pada 15 Mei lalu.

Dakwa pemilik video, Brandy Yap kenderaan 4x4 yang melanggar anjing berkenaan sehingga mati adalah ejen subkontraktor Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kami sudah menghubungi pihak Majlis Bandaraya Johor Bharu bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu berkenaan. Namun setakat ini, belum ada sebarang kenyataan rasmi.

SAFM tuntutan siasatan segera dibuat susulan tular video anjing dilanggar oleh kenderaan 4x4

Dalam pada itu Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) memandang serius berhubung video tersebut dan mengecam sekeras-kerasnya

sebarang bentuk kekejaman, kecuaiian atau tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap haiwan.

“SAFM menggesa pihak berkuasa untuk segera mengesahkan faktar sebenar, mengenal pasti pemandu, pemilik kenderaan serta mana-mana pihak yang bertanggungjawab pada masa kejadian.

“SAFM menuntut siasatan segera, telus dan menyeluruh oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Johor, Polis Diraja Malaysia, dan Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB). Sekiranya terdapat unsur kesengajaan, kecuaiian serius atau pelanggaran undang-undang, tindakan tegas mesti diambil tanpa kompromi,” jelasnya dalam satu kenyataan di Facebook.

Selain itu pihak SAFM turut menuntut beberapa perkara seperti:

Siasatan segera di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan undang-undang berkaitan.

Pengenalpastian pemandu, pemilik kenderaan dan pihak yang mengarahkan atau membenarkan penggunaan kenderaan tersebut pada masa kejadian.

Penjelasan rasmi sama ada kenderaan atau individu tersebut mempunyai kaitan dengan mana-mana kontraktor, subkontraktor, ejen atau operasi pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pemeliharaan semua bukti termasuk rakaman dashcam, CCTV, kenyataan saksi, rekod tugas, rekod kenderaan dan rekod kontraktor.

Penggantungan sementara sebarang tugas kawalan haiwan yang berkaitan sementara siasatan dijalankan, sekiranya kaitan rasmi disahkan.

Maklum balas awam yang telus daripada pihak berkuasa mengenai status siasatana dan tindakan yang telah diambil.

Pihak SAFM turut menegaskan haiwan jalanan bukanlah objek yang boleh diperlakukan dengan sesuka hati.

Malah sebarang operasi kawalan haiwan wajib dilakukan secara sah, berprosedur serta

berperikemanusiaan.

“Kawalan haiwan tidak boleh menjadi alasan untuk kekejaman. Kekejaman terhadap haiwan adalah jenayah. Haiwan jalanan juga bernyawa. Keadilan untuk ajing Ulu Tiram.”-

[BUZZKINI](#)

Operasi Haiwan Terbiar, MDMD Sita Empat Ekor Lembu			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Dalam Talian	20 Mei



Sekitar operasi penguatkuasaan haiwan ternakan terbiar oleh MDMD di Matu dan Daro kelmarin. - Gambar kredit MDMD & UKAS

MATU: Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) menyita empat ekor lembu dalam operasi penguatkuasaan haiwan ternakan terbiar di sekitar Matu dan Daro semalam dalam langkah tegas menangani aduan penduduk mengenai haiwan berkeliaran.

Operasi itu melibatkan Seksyen Penguatkuasa MDMD dan Seksyen Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Bandar MDMD dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Bahagian Mukah.

Sepanjang operasi berkenaan, pihak majlis berjaya menangkap empat ekor lembu, masing-masing seekor di Kampung Tian, Matu dan tiga ekor di jalan menuju Kampung Tebaang, Daro.

Ketua Seksyen Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Bandar MDMD Apohrozy Ezrie Ellie berkata, tindakan sitaan itu merupakan langkah terakhir selepas nasihat

kepada pemilik haiwan ternakan tidak diendahkan.

"Selepas ini, pihak majlis akan melaksanakan operasi sitaan sekiranya menerima aduan daripada penduduk setempat," ujarnya dalam kenyataan.

Tambahnya, tindakan tegas itu diambil selaras dengan Polisi Haiwan Ternakan Terbiar MDMD.

MDMD ingin menasihati semua pemilik haiwan ternakan terutama lembu dan kambing supaya tidak membiarkan haiwan ternakan berkeliaran tanpa pengawasan dan mengganggu penduduk setempat.

Pihak MDMD akan mengambil tindakan sita sekiranya masalah ini masih berlaku.-[UTUSANBORNEO](#)

Segera Siasat Pemandu Sengaja Langgar Anjing			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	20 Mei



KEJADIAN kenderaan pacuan empat roda didakwa melanggar anjing di kawasan kediaman di Taman Puteri Wangsa, Ulu Tiram. FOTO Tular

Ulu Tiram: Video tular kamera liter tertutup (CCTV) yang mempamerkan perbuatan pemandu sebuah kenderaan pacuan empat roda dipercayai sengaja melanggar anjing jalanan menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan ramai.

Presiden Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM), R Kalaivanan berkata, pihaknya menyeru siasatan segera terhadap dakwaan kekejaman yang dipercayai berlaku di Jalan Jenawi 13, Taman Puteri Wangsa, di

sini.

Beliau berkata, SAFM melahirkan kebimbangan yang serius dan mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan itu yang berlaku pada jam 11.24 pagi, 15 Mei lalu.

Menurutnya, berdasarkan video dan maklumat awam kenderaan atau individu terbabit dikaitkan sebagai kontraktor, subkontraktor, ejen atau aktiviti berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Katanya, perkara itu seharusnya disiasat kerana tiada haiwan, termasuk haiwan liar yang dijadikan mangsa kekejaman, layanan melulu atau kecederaan yang disengajakan.

"Sekiranya operasi kawalan haiwan dijalankan, ia seharusnya mengikut undang-undang, prosedur yang betul dan piawaian yang berperikemanusiaan.

"SAFM menyeru pihak berkaitan, termasuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan polis untuk mengambil tindakan segera termasuk di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai.

"Mereka perlu kenal pasti pemandu, pemilik kenderaan dan mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas penggunaan kenderaan pada masa terbabit.

"Mereka seharusnya digantung kerja kawalan haiwan sementara menunggu siasatan jika memiliki kaitan dengan kontraktor dilantik.

"Kami berharap agensi berkaitan memberi maklumat berkaitan siasatan atau tindakan dilakukan kepada orang ramai.

"Kekejaman haiwan bukanlah isu kecil, haiwan liar adalah makhluk hidup," katanya menerusi satu kenyataan, hari ini.

Sementara itu, jurucakap MBJB ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah menerima aduan terbabit.

"Kami akan beri maklumbalas segera berhubung kejadian yang berlaku ini," katanya.

Menerusi video berdurasi 20 saat, menunjukkan kenderaan pacuan empat roda berwarna merah itu merempuh anjing hingga ia kelihatan meronta-ronta di laluan berhampiran kediaman penduduk.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR